

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan mekanisme yang akan diambil kepada sekolah bantuan modal yang masih serba kekurangan dalam pelbagai aspek khususnya yang melibatkan infrastruktur dan kelengkapan sekolah.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], sekolah bantuan kerajaan (SBK) atau institusi pendidikan bantuan ertiannya sekolah atau institusi pendidikan yang menerima sumbangan bantuan modal dan sumbangan bantuan penuh daripada Kerajaan. Dengan ini, sekolah bantuan modal juga termasuk dalam kategori SBK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak menyediakan sebarang peruntukan bagi pembinaan bangunan di sekolah bantuan kerajaan, termasuk infrastruktur dan kelengkapan sekolah. Kos tersebut hendaklah dibiayai oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) berkenaan. LPS perlu bertanggungjawab menyediakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan fizikal untuk keselesaan seluruh warga sekolah tersebut.

Walau bagaimanapun, KPM ada menyediakan peruntukan mengurus kepada SBK. Peruntukan ini adalah bagi membiayai bayaran emolumen dan elauan guru, utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, peralatan pengajaran dan pembelajaran serta pemberian bantuan geran perkaitan (PCG). Selain itu, KPM turut menyediakan peruntukan pembayaran bil utiliti berdasarkan bil sebenar dengan had maksimum RM5,000.00 untuk setiap SBK.

Bagi tahun 2020, KPM sedang menyalurkan peruntukan sebanyak RM136.8 juta di bawah Program Khusus Penyelenggaraan Institusi Pendidikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Mualigh yang berstatus SBK. Peruntukan ini hanya boleh digunakan untuk penyelenggaraan aset tak alih mengikut Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 - Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan. Berdasarkan tatacara sedia ada, peruntukan tersebut tidak boleh digunakan untuk pembelian perkakasan, peralatan, perabot, pembinaan bangunan baharu, pembayaran sewa, pembayaran kos utiliti dan sebagainya yang tidak berkaitan dengan penyelenggaraan aset tak alih. Sekian, terima kasih.